

24/02/2021

ULANGKAJI BAB 1 & 2

Nama:

SEJARAH TINGKATAN 2

Kelas:

1. Alam Melayu merangkumi gugusan kepulauan dan tanah besar di bahagian

- A. timur benua Asia
- B. barat benua Asia
- C. tenggara benua Asia
- D. selatan benua Eropah

2.

Penduduk Alam Melayu mempunyai ikatan Keserumpunan

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah aspek keserumpunan tersebut?

- I. Agama
- II. Bahasa
- III. Budaya
- IV. Ekonomi

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

3. Rajah berikut menunjukkan persamaan bunyi perkataan bagi beberapa etnik di Alam Melayu.

- Bahasa Melayu : Empat
- Bahasa Jawa : X
- Bahasa Tagalog : Apat

Apakah X?

- A. Pat
- B. Four
- C. Papat
- D. Lepat

4. Apakah kerajaan yang terletak di Lembah Sungai Mekong dan muncul pada abad pertama?

- A. Kerajaan Funan
- B. Kerajaan Majapahit
- C. Kerajaan Kedah Tua
- D. Kerajaan Gangga Nagara

5. Mengapakah peranan Patih Gajah Mada dianggap penting kepada Kerajaan Majapahit?

- A. Meluaskan empayar
- B. Mengasaskan kerajaan
- C. Menyebarkan pegangan agama
- D. Menguasai laluan perdagangan

6. Maklumat berikut merujuk tokoh yang dipercayai telah mengasaskan sebuah kerajaan Alam Melayu.

- Raja Khmer
- Raja Ganji Sarjuna

Apakah kerajaan Alam Melayu yang dimaksudkan?

- A. Kerajaan Champa
- B. Kerajaan Majapahit
- C. Kerajaan Kedah Tua
- D. Kerajaan Gangga Nagara

7.

- Kerajaan ini diasaskan oleh Jayavarman II
- Kerajaan ini terletak di Lembah Sungai Mekong

Kerajaan Alam Melayu yang manakah berkaitan dengan maklumat di atas?

- A. Funan
- B. Angkor
- C. Champa
- D. Srivijaya

8. Apakah kepentingan hubungan diplomatik kepada kerajaan Alam Melayu?

- A. Kesetiaan rakyat
- B. Kemakmuran negara
- C. Peningkatan penduduk
- D. Pengekalan sumber alam

24/02/2021

ULANGKAJI BAB 1 & 2

SEJARAH TINGKATAN 2

9. Apakah sumbangan Jayavarman VII terhadap kerajaan Angkor?
- I. Meluaskan empayar
 - II. Mendirikan hospital
 - III. Membina Angkor Thom
 - IV. Mengasaskan kerajaan
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV
10. Apakah kerajaan luar yang pernah menjalin hubungan dengan kerajaan Alam Melayu pada abad pertama Masihi?
- A. Dinasti Tang
B. Kerajaan Chola
C. Empayar Kushan
D. Kerajaan Abbasiyah
11. Apakah gelaran yang digunakan oleh Raja – Raja Funan?
- A. Dewa Siva
B. Bodhisattva
C. Sri Maharaja
D. Kurung Bnam
12. Antara berikut, yang manakah pelabuhan kerajaan Funan?
- A. Oc Eo
B. Palembang
C. Yasodharapura
D. Pangkalan Bujang
13. Apakah peranan pembesar dalam kerajaan Champa?
- I. Mengutip cukai
 - II. Menjaga keamanan
 - III. Mengetuai keagamaan
 - IV. Memajukan perdagangan
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV
14. Apakah peranan daik kepada kerajaan-kerajaan Alam Melayu?
- I. Menahan air
 - II. Menghalang banjir
 - III. Menyuburkan tanah
 - IV. Memajukan perikanan
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV
15. Apakah keistimewaan pokok gaharu kepada kerajaan Alam Melayu?
- A. Barang kraf tangan
B. Barang makanan
C. Bahan pewangi
D. Bahan binaan
16. Apakah fungsi Ketua Air dalam kerajaan Champa?
- A. Mengetuai angkatan tentera laut
B. Menyelenggarakan terusan dan daik
C. Menjamin keselamatan pelabuhan
D. Memajukan kegiatan penanaman padi
17. Apakah bukti golongan wanita mendapat tempat dalam pentadbiran kerajaan Majapahit?
- A. Melantik pengganti raja
B. Menganggotai Sapta Prabu
C. Menguasai hal perdagangan
D. Mengetuai pentadbiran wilayah
18. Apakah hasil laut yang mudah didapati di perairan Alam Melayu terutama di Selat Melaka dan Laut Sulu?
- I. Gamat
 - II. Gaharu
 - III. Ikan bilis
 - IV. Rumpai laut
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

24/02/2021

ULANGKAJI BAB 1 & 2

SEJARAH TINGKATAN 2

19. Andaikan anda dipilih untuk berkhidmat sebagai Sapta Prabu dalam kerajaan Majapahit.

Apakah kriteria yang diperlukan untuk pelantikan tersebut?

- A. Kerabat diraja
- B. Pemimpin daerah
- C. Ketua ketenteraan
- D. Pendakwah agama


20.

Penduduk Majapahit menghasilkan garam, gula, pembungkusan daging kerbau dan mi daripada beras.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah nilai yang dapat dikaitkan dengan masyarakat Alam Melayu?

- A. Menghargai alam sekitar
- B. Kreatif dalam penciptaan
- C. Tabah dalam menghadapi cabaran
- D. Bertoleransi dalam kehidupan

1(a) Nyatakan kerajaan Alam Melayu yang dilabelkan dengan huruf pada peta berikut :



(a)	(e)
(b)	(f)
(c)	(g)
(d)	

24/02/2021

ULANGKAJI BAB 1 & 2

SEJARAH TINGKATAN 2

1(b) Mengapakah kerajaan – kerajaan awal di Alam Melayu muncul di lembah sungai?

2(a) Berdasarkan pendapat tentang konsep Alam Melayu berikut, tandakan (/) pada tokoh yang betul.

- (i) “Alam Melayu meliputi kawasan dari Madagascar ke Tanah Melayu, Papua New Guinea, Australia, New Zealand, Kepulauan Pasifik dan sampai ke Taiwan.”

	Professor Emeritus Dato’ Dr Asmah Haji Omar
	Professor Emeritus Dato’ Dr Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman

- (ii) Budaya di Alam Melayu berkembang maju dengan munculnya beberapa kepandaian seperti pembuatan gangsa dan seni mempertahankan diri.

	Dato’ A Aziz Deraman
	Sutan Takdir Alisjahbana

2(b) Padankan binaan berikut dengan kerajaan yang betul.

Empayar Rom	Dinasti Tang	Kerajaan Angkor
Empayar Byzantine	Kerajaan Srivijaya	Kerajaan Majapahit



Gapura Bajang Ratu



Pagoda Xumi




Candi Bahal

--	--	--



Angkor Wat



Hagia Sophia



Colosseum


--	--	--

24/02/2021

ULANGKAJI BAB 1 & 2

SEJARAH TINGKATAN 2

3. Suai pada nama kerajaan Kedah Tua mengikut sumber dari negara berikut :



4. Pernyataan di bawah mengenai kegiatan ekonomi masyarakat kerajaan Alam Melayu. Nyatakan BENAR pada pernyataan yang betul dan PALSU pada pernyataan yang salah.

(i)	Pemerintah Champa telah membina kolam yang dikenali sebagai baray untuk menyimpan air.	
(ii)	Rempah – ratus yang terdapat di Alam Melayu ialah bunga cengkih, buah pala dan lada hitam.	
(iii)	Masyarakat Alam Melayu turut terlibat dalam kegiatan menangkap ikan di sawah, paya dan sungai.	
(iv)	Gamat, rumpai laut dan mutiara mudah didapati di Selat Melaka sahaja.	
(v)	Masyarakat Alam Melayu menjalankan kegiatan melombong dengan menggunakan kapal korek.	
(vi)	Tuhan Vatakvurah berperanan sebagai penyelia kegiatan perdagangan dan perkapalan di Srivijaya.	
(vii)	Tanaman dagangan utama di Alam Melayu adalah padi.	

24/02/2021

ULANGKAJI BAB 1 & 2

SEJARAH TINGKATAN 2

5. Padankan sistem pemerintahan berikut dengan kerajaan Alam Melayu yang betul.

(a) Raja dibantu oleh Yuvaraja, Pratiyuvaraja dan Rajakumara.

Champa

(b) Pembesar berperanan untuk mengutip cukai, menjaga keamanan dan mengukuhkan pertahanan.

Angkor

(c) Golongan agama dan tentera membantu pentadbiran negara.

Majapahit

(d) Anggota Majlis Penasihat Diraja terdiri daripada kerabat diraja.

Srivijaya

(e) Sistem pemerintahan dan pentadbiran dipengaruhi oleh kerajaan Srivijaya.

Kedah
Tua

(f) Pemerintahan wilayah terbahagi kepada wilayah, daerah, daerah kecil dan kampung.

Funan



chiangke@smketar2021